

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim
[Kuala Selangor]
- SOALAN** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:
- (a) apakah status Akta Agrologis Malaysia yang membolehkan graduan dan profesional pertanian diiktiraf sebagai ahli profesional di mana ianya pemangkin kepada peningkatan produktiviti sektor pertanian negara; dan
 - (b) apakah usaha Kerajaan untuk mendorong lebih ramai golongan belia untuk terlibat dalam industri pertanian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Draf Rang Undang-undang Agrologis buat masa ini masih dalam peringkat semakan oleh pihak Bahagian Undang Undang, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.
- b) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mendorong lebih ramai golongan belia terlibat dalam industri pertanian. Oleh itu,

Kementerian telah menubuhkan Unit Agropreneur Muda (UAM) pada bulan September 2013 yang berperanan untuk menarik lebih ramai penyertaan generasi belia yang berumur di bawah umur 40 tahun dalam sektor pertanian menerusi pakej projek pertanian dan industri asas tani yang mampu menjana pendapatan lebih RM 5,000 sebulan. Setiap jabatan dan agensi di bawah MOA bertanggungjawab melahirkan 100 usahawan muda dalam bidang pertanian. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

Bil.	Program	Perincian Program
1.	Program pembangunan usahawan mengikut sub sektor	<p>Pembangunan usahawan baru dan sediada merangkumi kemudahan pembiayaan melalui AgroBank dan TEKUN Nasional serta pemberian geran <i>in kind contribution</i> sebanyak 30%.</p> <p>Melibatkan pelbagai aktiviti di sepanjang rantai nilai bermula daripada pengeluaran hingga kepada aktiviti nilai tambah mengikut sub sektor seperti sub sektor tanaman, perikanan, ternakan, pemasaran serta teknologi dan inovasi.</p> <p>Pembangunan pakej usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah MOA serta pelantikan syarikat peneraju swasta untuk menarik lebih ramai belia dengan pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian.</p>

Bil.	Program	Perincian Program
2.	Program promosi dan hebahan	(i) Program Road To MAHA di seluruh negara (ii) Program Hari Penternak, Petani & Nelayan(HPPNK) dan MAHA (iii) Program Road Show dan Biztalk Agropreneur Muda di seluruh negara
3.	Program Latihan dan Kursus	Program latihan teknikal mengikut subsektor (tanaman, perikanan dan ternakan), pengurusan kewangan dan keusahawanan, padanan perniagaan serta motivasi keusahawanan dan program mentor mentee usahawan muda.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
KAWASAN : KUALA SELANGOR

SOALAN:

YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula kadar tol di Tambak Johor untuk mengurangkan kadar tersebut memandangkan Singapura juga dijangka menaikkan kadar tol bagi memadankan kadar Malaysia di mana langkah ini akan membebankan rakyat Malaysia yang keluar masuk ke Singapura setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Timur (Eastern Dispersal Link – EDL), Johor Bahru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas pada 1 April 2012.

Lebuh Raya EDL ini berfungsi untuk menyuraikan masalah kesesakan trafik yang teruk di Jalan Tebrau, Jalan Pandan dan Jalan Skudai di Johor Bahru berikutan pertambahan aliran trafik ke/dari Tambak Johor. Lebuh Raya EDL ini memberi kemudahan laluan terus ke Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar tanpa perlu lagi memasuki jalan-jalan utama di sekitar pusat bandar Johor Bahru. Kadar tol tidak dikenakan kepada kenderaan yang menggunakan EDL tanpa melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar untuk ke/dari Singapura.

Kerajaan telah menguatkuasakan kadar tol di Lebuh Raya EDL pada 1 Ogos 2014. Manakala Kerajaan Singapura pula telah menaikkan kadar tol di Causeway Woodlands Checkpoint kepada semua kenderaan (kecuali motosikal) berkuat kuasa pada 1 Oktober 2014, iaitu dasar tindak balas atau 'matching policy' kenaikan tol di Tambak Johor sebagaimana yang didakwa oleh Kerajaan Singapura. Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan Malaysia untuk mengenakan tol Lebuhraya EDL ini sebenarnya tidak boleh dikaitkan dengan kenaikan kadar tol di Causeway Woodlands Checkpoint.

Ini kerana rasional penetapan kadar tol ini ialah bagi menampung kos pembinaan dan penyelenggaraan Lebuhraya EDL. Penetapan kadar tol ini tidak melibatkan kadar tol sedia ada di Tambak Johor di mana kadar tol di Tambak Johor masih lagi kekal mengikut kadar semasa. Untuk mengelakkan pengguna daripada terpaksa berhenti 2 kali, kadar tol bagi Lebuhraya EDL ini dikutip secara bersekali di Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan sedang mengkaji cadangan opsi-opsi lain yang mungkin boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengguna yang berulang alik melalui Tambak Johor dan Woodlands di Singapura. Kajian terperinci mengenai perkara tersebut sedang dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh masa terdekat ini untuk memperoleh kelulusan dasar Kerajaan.

Sekian, terima kasih.